



15 Ogos 2012
15 August 2012
P.U. (A) 263

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KASTAM
(PINDAAN) (NO. 3) 2012

CUSTOMS (AMENDMENT) (NO. 3) REGULATIONS 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KASTAM 1967

PERATURAN-PERATURAN KASTAM (PINDAAN) (NO. 3) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 142 Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kastam (Pindaan) (No. 3) 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 27 Ogos 2012.

Pindaan peraturan 3

2. Peraturan-Peraturan Kastam 1977 [*P.U. (A) 162/1977*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 3—

(a) dalam subperaturan (1), dengan memasukkan selepas proviso (xxi) proviso yang berikut:

“(xxii) di Kompleks ICQS Bukit Bunga, Mukim Nibong, Daerah Jedok, Jajahan Tanah Merah, Kelantan, waktu-waktu itu adalah—

dari 6.00 pagi hingga 7.00 petang pada mana-mana hari.”;

(b) dalam subperaturan (4), dengan memotong proviso (x) dan semua butir-butir yang berhubungan dengannya; dan

(c) dalam subperaturan (5), dengan memasukkan selepas proviso (xiii) proviso yang berikut:

“(xiv) di Kompleks ICQS Bukit Bunga, Mukim Nibong, Daerah Jedok, Jajahan Tanah Merah, Kelantan, waktu-waktu itu adalah—

dari 6.00 pagi hingga 7.00 petang pada mana-mana hari.”.

Pindaan Jadual Pertama

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Jadual Pertama—

- (a) dalam Bahagian I, di bawah kepala “PELABUHAN KASTAM DAN TEMPAT PENDARATAN YANG SAH” dan subkepala “*NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU*” dengan memotong Pelabuhan Kastam “Bukit Bunga, Kelantan” dan semua butir-butir yang berhubungan dengannya;
- (b) dalam Bahagian II, di bawah kepala “*TEMPAT-TEMPAT IMPORT DAN EKSPORT MENGIKUT JALAN ATAU KERETAPI*” dan subkepala “*NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU*” dengan memasukkan selepas “Rantau Panjang” dan butir-butir yang berhubungan dengannya butir-butir yang berikut:
- “ Bermula di tengah-tengah Jambatan Semua barang-Persahabatan sempadan Malaysia- barang”; Thailand seterusnya memasuki kawasan dan berpagar Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Bunga, Mukim Nibong, Daerah Jedok, Jajahan Tanah Merah, Kelantan termasuk Pejabat Kastam, semua bangunan dan binaan tambahan yang terletak di dalam Kompleks itu sebagaimana yang ditentukan dalam Pelan No. PA 105229
- (c) dalam Bahagian III, di bawah kepala “*JALAN-JALAN BAGI IMPORT DAN EKSPORT*” dan subkepala “*NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU*” dengan memasukkan selepas perenggan (10) perenggan yang berikut: